

# Peminjam bijak boleh guna dana jadi modal perniagaan

Mahasiswa dan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah isu yang tidak boleh dipisahkan, tidak terkecuali isu keengganan bekas graduan membayar balik pinjaman PTPTN.

PTPTN diwujudkan bertujuan membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan membiayai pengajian mereka di institusi pengajian tinggi dan ia memperuntukkan dana yang sangat besar untuk tujuan itu.

Bagaimanapun, sikap culas sebahagian bekas pelajar untuk membayar balik pinjaman sangat memalukan terutama mereka

yang berjawatan tinggi.

Sebagai mahasiswa yang bakal menamatkan pengajian tidak lama lagi, saya memandangi isu ini dari sudut holistik.

## Aniaya bakal mahasiswa

Saya bimbang nasib yang akan dihadapi generasi akan datang apabila mereka menyambung pengajian nanti kerana disebabkan keingkaran dan keengganan bekas pelajar, menyebabkan PTPTN menghadapi masalah dalam membantu bakal pelajar sekaligus berkemungkinan menganiaya bakal mahasiswa dalam membuat pinjaman menampung kos pengajian.

Pada hemat saya, penting kepada mahasiswa yang meminjam PTPTN perlu bijak merancang kewangan mereka. Langkah ini dilihat mampu mengubah corak pembayaran balik pinjaman selain mengelak mereka menggunakan wang berkenaan ke jalan tidak sepatutnya.

Melalui langkah ini, mereka dapat menabung dan menggunakan wang itu mengikut keperluan utama, bukan mengikut nafsu semata-mata.

Selain itu, saya juga melihat mahasiswa hari ini kurang faham konsep pinjaman PTPTN. Duit pinjaman ini bukan hanya digunakan untuk membayar yuran

dan keperluan sepanjang pengajian, sebaliknya boleh dikembangkan kepada jumlah lebih besar.

## Berjinak-jinak dalam bidang perniagaan

Mereka perlu kreatif dengan mengambil peluang berjinak-jinak dalam membuat perniagaan kecil.

Perniagaan berkenaan juga perlu sederhana dan sesuai dengan kemampuan mahasiswa selain tidak mengganggu tugas utama mereka iaitu belajar.

**Nor Zafirah Idris,**  
Universiti Sains Islam Malaysia

“  
**Mahasiswa yang meminjam PTPTN perlu bijak merancang kewangan mereka.** Langkah ini dilihat mampu mengubah corak pembayaran balik pinjaman selain mengelak mereka menggunakan wang berkenaan ke jalan tidak sepatutnya”